



Kenyataan Media

MUAT NAIK KOMEN JELIK MELAMPAU MELIBATKAN INSTITUSI DIRAJA: INDIVIDU DIRAKAM KETERANGAN

CYBERJAYA, 21 Julai 2025 -- Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) sedang menjalankan siasatan terhadap satu komen berunsur jelik melampau yang dimuat naik oleh seorang individu di platform media sosial Facebook, melibatkan Institusi Diraja berkaitan isu pelantikan Ketua Hakim Negara.

Bagi membantu siasatan, MCMC telah merakam keterangan individu terbabit pada 21 Julai 2025 di Balai Polis Kg Melayu Subang, Selangor. Turut disita, satu (1) unit telefon bimbit dan satu (1) kad SIM bagi membantu siasatan.

Siasatan dijalankan di bawah Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588], yang memperuntukkan hukuman denda maksimum RM500,000 atau penjara sehingga dua (2) tahun, atau kedua-duanya, jika disabitkan kesalahan.

MCMC menyeru orang ramai agar sentiasa menggunakan platform media sosial secara beretika, berhemah dan bertanggungjawab.

Elakkan penyebaran kandungan jelik melampau, hasutan atau fitnah yang boleh menjejaskan keharmonian dan ketenteraman negara, khususnya yang melibatkan Institusi Diraja.

LAMPIRAN GAMBAR



Rakaman percakapan diambil di Balai Polis Kg. Melayu Subang, Selangor.

KOMUNIKASI KORPORAT MCMC

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia | Malaysian Communications and Multimedia Commission
MCMC Tower 1, Jalan Impact, Cyber 6, 63000 Cyberjaya, Selangor MALAYSIA
T: + 60 3 86 88 80 00 | **F:** + 60 3 86 88 10 00 | **E:** corporate.communications@mcmc.gov.my | **W:** www.mcmc.gov.my

